

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **YB. DR. TAN SENG GIAW**

**KAWASAN** : **KEPONG**

**NO. SOALAN** : **283**

YB. DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan keadaan kerjasama ekonomi ASEAN.

**JAWAPAN**

1. Semenjak penubuhan ASEAN pada tahun 1967, pelbagai usaha telah diambil untuk memperkukuhkan ekonomi negara-negara Asean. Namun demikian, usaha secara terperinci dan sistematik untuk mendalami jalinan ekonomi di kalangan negara-negara ASEAN hanya bermula dengan termeterainya Perjanjian Rangka Kerja Memperkukuhkan Kerjasama Ekonomi ASEAN ( *Framework Agreement on Enhancing ASEAN Economic Operation*) pada Januari 1992.
2. Selaras dengan objektif perjanjian ini, negara-negara ASEAN telah mula meliberalisasikan sektor perdagangan barangan, perkhidmatan dan pelaburan melalui tiga perjanjian utama, iaitu:

- i. Perjanjian Skim Keutamaan Sama Rata (*Agreement on the Common Effective Preferential Tariff – CEPT*) di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) pada 1993 untuk mengurangkan dan memansuhkan duti import;
  - ii. Perjanjian Rangka Kerja perkhidmatan ASEAN (*ASEAN Framework Agreement on Services – AFAS*) 1995 untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan ; dan
  - iii. Perjanjian Kawasan Pelaburan ASEAN (*ASEAN Investment Area – AIA*) 1998 untuk memansuhkan halangan-halangan bagi sektor pelaburan.
3. Pada tahun 2007, pemimpin-pemimpin ASEAN telah bersetuju untuk memperkukuhkan integrasi ekonomi ASEAN secara komprehensif melalui Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community Blueprint – AEC Blueprint*) bagi memastikan ASEAN dapat menghadapi cabaran- cabaran semasa global.
4. Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community – AEC*) merupakan pendekatan tersusun dan berperingkat bagi liberalisasi serta integrasi ekonomi di rantau ASEAN yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing negara-negara anggota ASEAN khususnya untuk menjadikan rantau ini sebagai sebuah pasaran tunggal dan pengeluaran antarabangsa yang kompetitif.
5. Pelan ini menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh setiap negara anggota ASEAN dalam merealisasikan sasaran pencapaian utama AEC sepenuhnya pada tahun 2015 iaitu:

- i. Mewujudkan ASEAN sebagai sebuah pasaran tunggal dan pusat pengeluaran;
- ii. Menjadikan ASEAN sebagai kawasan ekonomi yang berdaya saing
- iii. Menjadikan ASEAN sebagai kawasan pembangunan ekonomi yang saksama; dan
- iv. Memastikan ASEAN terus diintegrasikan dengan ekonomi global

6. Tahun 2015 merupakan tahun yang amat penting kepada gagasan ASEAN amnya dan negara Malaysia khususnya. Ini adalah kerana proses pematuan Komuniti Ekonomi ASEAN telah mencapai kemuncaknya di mana objektif-objektif yang disasarkan akan dicapai pada hujung tahun 2015.

7. Sehingga kini, ASEAN telah melaksanakan 90.5 peratus daripada langkah-langkah yang digariskan di dalam Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN, terutamanya di dalam mewujudkan pasaran tunggal. Di antara pencapaiannya adalah:

- i. Penghapusan duti import ke atas 96 peratus produk dan bakinya dijangka akan dimansuhkan pada 1 Januari 2018;
- ii. Liberasasi sektor perkhidmatan yang merangkumi lebih daripada 100 subsektor perkhidmatan;
- iii. Menghapuskan halangan-halangan bagi sektor pelaburan;
- iv. Mengurangkan halangan-halangan bukan tarif;
- v. Mengintegrasikan sektor-sektor seperti pengangkutan, kewangan, pertanian, telekomunikasi, pelancongan sertamempertingkatkan kerjasama di dalam bidang-bidang seperti galian, perhutanan dan tenaga;

- vi. Memperkukuhkan kesalinghubungan (*connectivity*) melalui dasar “*Open Skies*” serta memudahkan pergerakan rentas sempadan kenderaan komersial;
- vii. Memudahkan pergerakan rentas sempadan tenaga mahir melalui “*mutual recognition arrangement*” dalam bidang kejuruteraan, arkitek, juruukur, perubatan, pergigian, kejururawatan dan akauntan; dan
- viii. Memperkukuhkan kerjasama di dalam bidang hak harta intelek, dasar persaingan dan dasar perlindungan pengguna.

8. Selain daripada usaha-usaha ini, ASEAN juga telah memperkukuhkan hubungan dengan rakan-rakan dagang utama melalui perjanjian-perjanjian perdagangan bebas serta kerjasama ekonomi dengan Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea, India, Australia dan New Zealand. Usaha-usaha juga diambil untuk mewujudkan satu perjanjian yang lebih komprehensif dengan menubuhkan Kerjasama Ekonomi Komprehensif yang melibatkan ASEAN dan enam negara tersebut. Di samping itu, usaha juga diambil untuk mewujudkan FTA dengan Hong Kong.

9. Usaha-usaha ini telah menjadikan ASEAN sebagai satu rantau yang dinamik dan menjadi pusat pengeluaran dan pelaburan utama di dunia. Di antara pencapaian ASEAN adalah seperti berikut:

- i. Mencatatkan ekonomi yang memberangsangkan. Dari tahun 2007 hingga 2014, ekonomi ASEAN telah mencatatkan pertumbuhan secara purata sebanyak 5.1 peratus;
- ii. Secara kolektif, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ASEAN adalah sebanyak US\$ 2.5 trilion , menjadikan ASEAN sebagai

ekonomi ke-7 terbesar di dunia. Adalah dijangkakan KDNK ASEAN akan mencapai US\$4 trilion pada tahun 2020;

- iii. KDNK per kapita telah meningkat kepada US\$4,000 pada tahun 2014;
- iv. Perdagangan luar ASEAN telah meningkat kepada US\$2.53 trilion di mana perdagangan intra-ASEAN dicatatkan sebanyak US\$608 Billion atau 24 peratus daripada jumlah perdagnangan ASEAN; dan
- v. Kemasukan pelaburan sentiasa meningkat dan pada tahun 2014, jumlah pelaburan asing yang dicatatkan adalah sebanyak US\$136 bilion. Jumlah ini melebihi kemasukan pelaburan asing ke China

10. Pencapaian-pencapaian ini telah menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup di kalangan penduduk ASEAN dan mewujudkan kelas pertengahan yang lebih besar dianggarkan sebanyak 120 juta orang. Selain dari itu, kemasukan pelaburan asing juga membuka peluang-peluang pekerjaan serta membolehkan ASEAN menarik lebih banyak teknologi-teknologi yang berintensifkan modal.

11. Pewujudan pasaran tunggal ini juga telah memberi peluang kepada industri kecil dan sederhana untuk meneroka peluang-peluang pelaburan dan eksport di rantau ini. Sebagai contoh, syarikat-syarikat Malaysia yang besar serta industri kecil dan sederhana, telah menubuhkan operasi di semua negara ASEAN. Kebanyakan syarikat-syarikat ASEAN telah menjadi sebahagian daripada rangkaian "*supply chain*" serantau dan global. Syarikat-syarikat asing juga terus melihat sebagai rakan utama perdagangan dan pelaburan mereka. Selain itu, ia juga membuka peluang kepada tenaga kerja mahir dan profesional untuk mendapatkan kerja di negara-negara ASEAN yang lain.

12. ASEAN perlu meneruskan usaha untuk memperkukuhkan Komuniti Ekonomi ASEAN supaya rantau ini dapat terus kekal dan menjadi relevan dalam komuniti ekonomi global. Dalam hal ini, pelan baru ekonomi ASEAN pasca – 2015 kini sedang dirangka bagi tempoh 2016 – 2025.